

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan untuk membangunkan pelan jaringan Internet yang lebih baik di kawasan pedalaman khususnya di daerah Sik bagi memudahkan urusan pengajian atas talian pelajar sekolah dan universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umum sedia maklum bahawa kebergantungan kepada Internet yang tinggi di kalangan rakyat terutamanya para pelajar sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar sangat penting kini. Kerajaan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih termasuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar yang menggunakan peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP). Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 693 stesen pemancar telah siap dinaiktaraf daripada jumlah keseluruhan sebanyak 5,394 stesen

SOALAN NO : 15

pemancar yang akan dinaiktaraf kepada teknologi 4G di seluruh negara menjelang penghujung 2021 melalui kaedah Penyumbang Utama bagi menyediakan liputan 4G yang lebih berkualiti. Melalui kaedah yang sama, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara kepada 95%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhomrat, inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Kedah adalah seperti berikut:

- a. Sebanyak 41 menara baharu dengan teknologi 4G telah siap dilaksanakan daripada jumlah 134 menara yang di dalam perancangan;
- b. Menaik taraf 1,612 stesen pemancar sedia ada kepada teknologi 4G. Daripada jumlah tersebut, 1,339 lokasi telah dinaik taraf; dan
- c. Menyediakan capaian jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi kepada 76,474 premis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lebih 45 ribu premis telah siap dilaksanakan dengan sambungan gentian optik.

Di Parlimen Sik pula, sebanyak 23 menara baharu akan dibina di bawah pelan JENDELA. Manakala sebanyak 72 stesen pemancar komunikasi sedia ada yang akan dinaik taraf kepada teknologi 4G dan daripada jumlah tersebut, terdapat 37 menara telah siap dinaik taraf. Selain itu, sebanyak 515 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan Gigabit. Daripada jumlah ini, sebanyak 321 premis telah siap dilaksanakan dengan sambungan gentian optik.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

SOALAN NO : 15

Menerusi portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, maklumat yang diperoleh daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Kerajaan mengambil maklum berkenaan maklumbalas rakyat yang menginginkan kesalinghubungan lebih baik, harga mampu milik dan memastikan penyampaian lebih berkualiti lebih-lebih lagi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan peningkatan mendadak penggunaan Internet untuk pelbagai urusan seperti aktiviti pembelajaran, e- dagang dan juga hiburan.

Untuk meringankan beban rakyat dan memastikan kesalinghubungan digital tidak terjejas semasa tempoh pandemik ini, terutamanya agar sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berjalan dengan lancar, pihak MCMC bersama-sama dengan syarikat telekomunikasi telah pun menjalankan pelbagai program dan inisiatif supaya rakyat Malaysia terus berpeluang menikmati perkhidmatan internet.

Selain daripada inisiatif Kerajaan bagi menambahbaik infrastruktur digital, terdapat sebanyak 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di kawasan miskin bandar, pinggir bandar dan luar bandar yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai terutamanya para pelajar dalam memastikan proses PdPR berjalan lancar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan besar seperti SPM dan STPM. Terdapat 73 PIK sedang beroperasi di Negeri Kedah termasuk 6 PIK di Sik.